

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI**  
**TARIKH** : **18.06.2014**  
**SOALAN** :

Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli [ Pandan ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan gaji permulaan bagi seorang pensyarah berkelayakan Doktor Falsafah (PhD) yang berkhidmat dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Bilakah kali terakhir kerajaan menyemak tangga gaji pensyarah-pensyarah ini dan apakah kerajaan merancang untuk menyemak tangga gaji tersebut dalam masa terdekat.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Pensyarah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang memiliki kelayakan Doktor Falsafah (PhD) dari universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan akan menerima gaji permulaan mengikut gred lantikan seperti berikut :

Skim Perkhidmatan	Gred Lantikan	Syarat Tambahan	Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
Pensyarah Universiti	DS45		Tiada	2,877.04
	DS51	a. membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan		5,168.02
	DS53			5,471.49
	Khas C			6,595.99
		b. mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan		

Gaji permulaan yang diterima tidak termasuk elaun dan kemudahan lain. Semakan terakhir tangga gaji adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013 dan berkuatkuasa pada 1 Januari 2013. Semakan tangga gaji skim-skim perkhidmatan Kerajaan adalah dilaksanakan dari masa ke semasa mengikut keperluan.

Rjm109